

MAHATHIR-DADAH

(1977)

3

PULAU PINANG, 5 DIS (BERNAMA)-TIKBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN PERLUNYA PENDEKATAN PENDIDIKAN UNTUK MENGHADAPI MASALAH SALAH GUNA DADAH.

PENDIDIKAN BERKAITAN DENGAN PENCEGAHAN SALAH GUNA DADAH AKAN MELAHIRKAN KESEDARAN TENTANG MASALAH ITU.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA DI PERASMIAN MESYUARAT SERANTAU MENGENAI PENDIDIKAN BERHUBUNG DENGAN MASALAH BERKAITAN PENGGUNAAN DADAH DI 10 NEGARA ASIA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI SINI. UCAPAN BELIAU DISAMPAIKAN OLEH TIMBALAN MENTERI UNDANG-UNDANG, ENCIK RASI YATIM.

LEBIH 30 PAKAR MENGENAI DADAH DARI SEMBILAN NEGARA MENGHADIRI MESYUARAT LAPAN HARI ITU ANJURAN UNESCO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI JAWATANKUASA KABINET MENGENAI SALAH GUNA DADAH BERKATA HANYA MENERUSI PENDIDIKAN SAHAJA LEBIH RAMAI ORANG KHUSUSNYA PARA IBU BAPA, GURU DAN KALANGAN PROFESIONAL AKAN LEBIH MENYEDARI AKAN FAKTOR BERKAITAN DENGAN SALAH GUNA DADAH.

DENGAN DEMIKIAN MEREKA AKAN DAPAT MENGETAHUI PERANAN Masing-masing dalam usaha mencegah salah guna dadah, tambah beliau.

-BERSAMBUNG HM 2109

MAHATHIR-DADAH 2 PULAU PINANG

"TUJUAN KITA TALAH HENDAK MENGGUNAKAN BERBAGAI KEADAH DAN CARA YANG BOLEH MEMPENGARUHI SECARA POSITIF INDIVIDU, KUMPULAN DAN MASYARAKAT TENTANG PENGETAHUAN, KEKESANAN DAN AMALAN, DALAM MENGHADAPI RAKYAT," KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA UNDANG-UNDANG YANG KERAS SAHAJA TIDAK DAPAT MENGURANGKAN SALAH GUNA DADAH.

"PENCEGAHAN DENGAN UNDANG-UNDANG ADALAH PAKSAAN SEDANGKAN PENCEGAHAN DENGAN PENDIDIKAN ADALAH PUJUKAN," KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN, PENDIDIKAN TIDAK SEHARUSNYA MEMAINKAN PERANAN MENCEGAH SAHAJA TETAPI HARUS TERLIBAT DALAM USAHA MEMULIHKAN BEKAS PENAGIH DADAH DALAM MASYARAKAT.

TERDAHULU, NAIB CANSOLOR USM TAN SRI HAJI HAMDAN SHEIKH TAHIR BERKATA UNIVERSITI ITU BERSEDIA MENJADI PUSAT SERANTAU BAGI MENJALANKAN KAJIAN UNTUK MENILAI BERBAGAI PROGRAM PENDIDIKAN BERKAITAN DENGAN PENCEGAHAN SALAH GUNA DADAH.

-BERNAMA HM 2137